

08 APR 2001

Mahathir-Masalah

JANGAN TIMBUL MASALAH LAIN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 8 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap rakyat tidak menimbulkan lagi masalah kepada kerajaan kerana negara kini dibebani pelbagai masalah.

"Jangan timbul masalah lain kerana kita sudah ada banyak masalah," katanya ketika diminta mengulas tindakan Kongres Kesatuan Sekerja Kebangsaan (MTUC) untuk mengadakan piket di seluruh negara.

Beliau mengulas laporan akhbar hari ini yang menyebut MTUC akan berpiket pada 12 Mei ini sebagai membantah apa yang dipanggilnya sebagai "kurangnya sensitiviti kepada kepentingan pencarum" oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri taklimat projek pusat membina dan membaik pulih kapal layar di Tanjung Lebung di sini, Dr Mahathir berkata piket bukan caranya untuk menyelesaikan sebarang masalah.

Perdana Menteri berkata beliau menyerahkan kepada MTUC sama ada untuk meneruskan tindakan itu atau tidak.

"Terpulang kepada dia orang, kalau dengan cara itu difikirkan dapat membaiki ekonomi negara, teruskanlah," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan berjumpa dengan MTUC berhubung perkara itu, Dr Mahathir berkata : "Dia tak minta nak jumpa, (hanya) buat kenyataan, susahlah nak jumpa."

Dr Mahathir juga menyambut baik penjelasan kerajaan Indonesia bahawa kedutaannya telah melakukan kesilapan dengan menghadiri taklimat tertutup mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim di Kuala Lumpur baru-baru ini.

"Kita tidak ada masalah menerima penjelasan itu kerana kita suka berbaik-baik dengan negara jiran," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab yang mengakui diplomat negara itu membuat kesilapan dengan menghadiri taklimat itu.

-- BERNAMA

NH MAI